



Projek ECOMARINE: pembentangan rasmi

Membina suatu mekanisma bagi memelihara ekosistem dan hidupan marin daripada kesan negatif perubahan iklim dan pembuangan puing plastik



Tatkala aktiviti manusia di seluruh dunia menyebabkan tekanan ke atas ekosistem marin, spesies dan sumber, pelaksanaan pemantauan yang berkesan ke atas perubahan lautan semakin dikenalpasti sebagai suatu prasyarat untuk perlindungan hidupan marin. Perubahan iklim, puing plastik, dan kemusnahan habitat dilindungi yang produktif oleh manusia merupakan faktor ancaman utama ke atas lautan dunia. Dengan perkembangan teknologi dan peralatan saintifik, amalan dalam pemantauan ekosistem marin menjadi semakin mudah dicapai, ringkas dan murah.

Matlamat utama projek ECOMARINE adalah untuk meningkatkan pengurusan dan operasi makmal pemantauan pemuliharaan marin di empat Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dan India. Sasaran utamanya adalah untuk menaiktaraf perkhidmatan universiti yang ditawarkan kepada pelajar, kakitangan dan masyarakat yang merangkumi persekitaran geografi kelautan yang luas. Perkara ini akan dijalankan melalui pembangunan modal insan mendalam dan program pertukaran pengetahuan yang disasarkan kepada kakitangan, ahli sains dan pemegang taruh lain di Malaysia dan India.

ECOMARINE dalam bentuk nombor:

- >> **Projek 3-tahun** (Jan. 21 – Jan. 24)
- >> **9 institusi dari 6 negara:** EU dan Asia
- >> **24 pertukaran kakitangan akademik**
- >> **78 kakitangan akademik dari Malaysia dan India dilatih**
- >> **Pembentukan 4 Makmal Pemantauan Marin** (2 di India dan 2 di Malaysia)
- >> **Lebih daripada 500 kakitangan akademik dan profesional** akan dicapai melalui aktiviti penyebaran dan eksploitasi



KUMPULAN SASAR UTAMA



- Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dan India
- NGO dan institut penyelidikan marin dan biologi awam serta swasta
- Pembuat polisi dan keputusan berkaitan Pendidikan di peringkat kebangsaan
- Pelajar pemuliharaan marin, biologi dan perlindungan alam sekitar di universiti Malaysia dan India
- Ahli akademik profesional dan kakitangan pentadbiran yang bekerja di IPT berkenaan.



KEMAJUAN KAMI

Sepanjang sembilan bulan pertama projek ini, konsortium ECOMARINE telah menjalankan kajian kepustakaan ekstensif tentang keperluan khusus bagi pemantauan ekosistem marin di Malaysia dan India. Aktiviti persediaan ini bertujuan untuk mengumpulkan pengetahuan asas yang sahih lagi terkini yang diperlukan dalam pembangunan dan penyampaian kursus pembangunan modal insan dan juga persediaan Makmal Pemantauan Marin. Konsortium ini telah memetakan situasi sedia ada di negara rakan kongsi berhubung dengan pemantauan ekosistem marin serta meneliti perundangan sedia ada berkaitan dengan perlindungan persekitaran marin di Malaysia dan India. "Amalan Terbaik" untuk pemantauan ekosistem marin juga turut dikenalpasti.

Sehubungan dengan itu, pembelian peralatan yang diperlukan untuk Makmal Pemantauan Marin di kedua-dua negara juga sedang dilakukan.

Suatu protokol penyelidikan juga sedang dibangunkan dengan garis panduan, peralatan asas dan templat bagi mengendalikan penyelidikan yang mantap melalui gabungan komponen kajian kepustakaan dan lapangan.

Konsortium projek ini juga telah membentuk prosedur dalaman berkaitan Jaminan Kualiti, komunikasi dalaman dan aktiviti penyebaran/komunikasi luaran. Laman sesawang rasmi projek telah dilancarkan, begitu juga dengan akaun media sosial di mana semua maklumat dan kemajuan terkini projek akan dimaklumkan. Akhirnya, 2 acara penyebaran tempatan telah di

anjurkan bagi meningkatkan kesedaran terhadap projek ini iaitu:

- 19/09/2021: Acara penyebaran berkaitan kesedaran terhadap pembuangan plastik anjuran Andhra University di Visakhapatnam, India
- 20/09/2021: Webinar berkenaan ECOMARINE, University of Oviedo (Program Master IMBRSea)



JANGKAAN HASIL

- **Laporan kajian** berkenaan keperluan khusus bagi pemantauan ekosistem marin di Malaysia dan India.
- **Merekabentuk dan membangunkan** silabus latihan dan platform e- pembelajaran (termasuk teori dan aktiviti berasaskan lapangan)
- **"Latihan untuk Pelatih"** antarabangsa yang menyasarkan kakitangan di empat university di India dan Malaysia.
- **Penubuhan dan operasi** 4 Makmal Pemantauan Marin di India dan Malaysia.
- **Latihan peringkat kebangsaan dan tempatan** di India dan Malaysia.
- **Pengumpulan hasil saintifik** yang dihasilkan melalui operasi Makmal Pemantauan Marin
- **Kempen kesedaran**, symposium dan hari makluman di negara kongsi.



IKUTI KAMI!

ecomarine-project.eu

[facebook.com/Ecomarine.project](https://www.facebook.com/Ecomarine.project)

twitter.com/ecomarine_

Konsortium:



Universidad de Oviedo
Universidá d'Uviéu
University of Oviedo



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
The National University
of Malaysia



SAL
EDUCATION

symplexis



BK
BK • CON



Co-funded by the
Erasmus+ Programme
of the European Union

Projek ini dibiayai dengan sokongan daripada Kesatuan Eropah. Penerbitan ini hanyalah daripada pandangan penulis dan Kesatuan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penggunaan daripada maklumat yang terkandung di dalamnya. Perjanjian Geran bernombor : 619158-EPP-I-2020-1-CY-EPPKA2-CBHE-JP